

U-IODIN LOTION

Povidone-Iodine (10% w/v)

Apakah yang ada dalam risalah ini:

1. Apakah kegunaan U-Iodin Lotion
2. Bagaimanakah U-Iodin Lotion berfungsi
3. Sebelum menggunakan U-Iodin Lotion
4. Cara menggunakan U-Iodin Lotion
5. Semasa menggunakan U-Iodin Lotion
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan U-Iodin Lotion
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan U-Iodin Lotion

U-Iodin Lotion adalah disinfektan kulit yang disapu pada permukaan kulit untuk merawat dan mencegah jangkitan luka.

Bagaimanakah U-Iodin Lotion berfungsi

Povidone-Iodine 10%w/v adalah bahan aktif dalam U-Iodin Lotion. Ia beransur-ansur melepaskan iodine aktif yang berfungsi dengan cepat dan memusnahkan mikroorganisma seperti bakteria, kulat dan virus.

Sebelum menggunakan U-Iodin Lotion

-Bila tidak boleh menggunakan

Jika anda alah (hipersensitif) terhadap Povidone-Iodine atau mana-mana bahan lain di dalam U-Iodin Lotion.

-Sebelum mula menggunakan U-Iodin Lotion

Anda perlu memberitahu doktor anda jika:

- Anda mempunyai alahan kepada iodine
- Anda mempunyai pembesaran kelenjar tiroid (ketul di bahagian depan leher).
- Anda mengandung, merancang untuk mengandung atau menyusu anak.

Mengandung dan menyusu

Anda perlu memberitahu doktor anda jika anda sedang mengandung, cuba untuk mengandung atau sedang menyusu bayi. U-Iodin Lotion tidak boleh digunakan dalam ibu yang sedang menyusu melainkan secara khususnya dipreskrip oleh doktor anda.

-Jika mengambil ubat-ubatan lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda sedang mengambil mana-mana ubat, termasuk tonik herbal, pelengkap tambahan dan ubat yang dibeli tanpa preskripsi.

Cara menggunakan U-Iodin Lotion

- Guna ubat ini sepertimana yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Anda perlu periksa dengan doktor atau ahli farmasi sekiranya anda tidak pasti.
- U-Iodin Lotion adalah untuk kegunaan luar sahaja. Elakkan sentuhan dengan mata.

-Berapa banyak harus digunakan

Sapukan losyen dengan perlahan-lahan ke kawasan yang terjejas atau setelah tersebar dalam pembalutan sekiranya perlu.

-Bila perlu digunakan

- Doktor atau ahli farmasi anda akan memberitahu anda masa untuk menggunakannya. Sentiasa menggunakan ubat tepat seperti yang diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda.
- Kawasan yang terjejas dan kulit di sekelilingnya hendaklah dibersihkan dan dikeringkan dengan teliti sebelum menggunakan U-Iodin Lotion

-Berapa lama harus digunakan

Terus menggunakan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

-Jika terlupa menggunakan

- Sekiranya anda lupa satu dos, sapu dos itu dengan segera sebaik saja teringat.
- Tetapi, sekiranya telah hampir masa untuk dos yang berikutnya, abaikan dos yang terlepas.
- Jangan guna dos berganda untuk menggantikan dos yang terlupa.

-If you use too much (Overdose)

Menggunakan U-Iodin Lotion yang berlebihan boleh meningkatkan

kemungkinan untuk mengalami kerengsaan tempatan dan sensitiviti kulit.

Semasa menggunakan U-Iodin Lotion

-Perkara yang perlu dilakukan

- Elakkan penggunaan pada kawasan kulit koyak yang luas kerana penyerapan iodine yang berlebihan mungkin berlaku. Penyerapan iodine boleh mengganggu ujian-ujian fungsi tiroid.
- Hentikan rawatan jika mengalami kerengsaan tempatan.
- Hubungi doktor anda jika simptom anda melarat atau tidak menampakkan kemajuan.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan memberi U-Iodin Lotion kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom-simptom yang sama dengan keadaan anda. Doktor anda telah mempreskrib ubat ini untuk anda sahaja.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika tiada perubahan dalam keadaan anda, anda perlu hubungi doktor anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, U-Iodin Lotion juga mempunyai kesan sampingan walaupun bukan semua orang akan mendapatnya. Kesan sampingan berikut mungkin terjadi dengan ubat ini:

- Kerengsaan tempatan
- Sensitiviti kulit

Sekiranya mana-mana kesan sampingan menjadi serius, atau anda mengalami kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda was-was atau untuk mendapatkan maklumat selanjutnya.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my

(Public → Reporting Medicinal Problems/ Side Effects/ AEFI/ Vaccine Safety).

Cara penyimpanan dan pelupusan U-Iodin Lotion

-Penyimpanan

Jangan guna selepas tarikh tamat tempoh yang dinyatakan pada bungkusan. Tarikh tamat tempoh merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

Simpan pada suhu di bawah 30°C. Lindungi daripada haba dan cahaya.

Jauhi daripada pencapaian kanak-kanak.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui sisa air atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi anda cara-cara pelupusan ubat-ubatan yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Satu cecair perang tua dengan bau pencirian.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:

Povidone-Iodine 10% w/v.

- Bahan tidak aktif:

Citric Acid, Anhydrous

Povidone K-90

Sodium Phosphate, Anhydrous

-Nombor MAL:

MAL19920352XZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Malaysian Pharmaceutical Industries Sdn. Bhd.

Plot 14, Lebuhraya Kampung Jawa,
11900 Bayan Lepas, Penang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

25/05/2018

Nombor siri

NPRA(R4/1)220518/00167